




PRAGMATIK & WACANA

Arina Johari, PhD

PRAGMATIK & WACANA

Arina Johari, PhD

©KSTCL Press 2025

Diterbitkan oleh:
KSTCL Press
Kulliyah of Sustainable Tourism and Contemporary Languages
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
KM1, Jalan Panchor
84600 Muar, Johor

Hak cipta terpelihara. Sebarang bahagian penerbitan ini tidak boleh dihasilkan semula, disimpan dalam simpanan kekal atau dipindahkan dalam pelbagai bentuk atau kaedah elektronik, mekanik, penggambaran semula dan sebagainya tanpa terlebih dahulu mendapat izin daripada KSTCL Press.

Dicetak oleh:
Aksara M.A.S. Ventures
G-13-3, Warisan Cityview,
Jalan 3/93A, Batu 2 ½,
56100 Cheras,
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

ISBN: 978-967-2771-38-8

Kandungan

Senarai Jadual/ Rajah	i
Prakata	ii
Sinopsis	iv
Bab 1 Pengenalan Pragmatik dan Wacana	
1.1 Definisi Pragmatik	2
1.2 Definisi Semantik	7
1.3 Definisi Wacana	9
1.4 Perkaitan antara Pragmatik, Semantik dan Wacana	10
1.5 Hubungan antara Semantik dan Pragmatik	11
1.6 Hubungan antara Pragmatik dan Wacana	12
Kesimpulan	14
Bacaan Tambahan	15
Latihan	15
Bab 2 Konteks dalam Pragmatik	
2.1 Definisi Konteks	18
2.2 Hakikat Konteks	22
2.3 Kepentingan Konteks dalam Pragmatik	24
2.4 Jenis-jenis Konteks	26
Kesimpulan	29
Bacaan Tambahan	29
Latihan	30
Bab 3 Model Pragmatik & Wacana	
3.1 Model Austin (1962)	32
3.2 Model Searle (1969): Penyempurnaan Teori Lakuan Tutur	37
3.3 Model Grice (1975)	44
3.4 Model Leech (1983)	48
3.5 Model Sperber dan Wilson (1986)	54
3.6 Model Brown & Levinson (1987)	56
Kesimpulan	71
Bacaan Tambahan	71

	Latihan	72
Bab 4	Prinsip-Prinsip Pragmatik	
	4.1 Praandaian (<i>Presupposition</i>)	74
	4.2 Inferensi	85
	4.3 Deiksis (<i>Deixis</i>)	89
	4.4 Peristiwa Tutur	93
	4.5 Lakuan Tutur (<i>Speech Act</i>)	95
	4.6 Implikatur	98
	Kesimpulan	102
	Bacaan Tambahan	102
	Latihan	102
Bab 5	Pragmatik dan Wacana dalam Interaksi Sosial	
	5.1 Kesantunan Pragmatik	107
	5.2 Analisis Perbualan (<i>Conversation Analysis</i>)	112
	5.3 Prinsip dan Metodologi Analisis Perbualan	114
	5.4 Kaedah Analisis Perbualan	120
	5.5 Transkripsi Linguistik	122
	Kesimpulan	124
	Bacaan Tambahan	126
	Latihan	126
Bab 6	Analisis Wacana	
	6.1 Takrifan Wacana	130
	6.2 Perbezaan antara Teks dan Wacana	131
	6.3 Perkembangan Analisis Wacana	133
	6.4 Kepentingan Analisis Wacana	135
	Kesimpulan	137
	Bacaan Tambahan	138
	Latihan	138
Bab 7	Prinsip Asas Analisis Wacana	
	7.1 Kategori Analisis Wacana	142
	7.2 Jenis-jenis Analisis Wacana	144
	7.3 Ciri-Ciri Analisis Wacana	147
	7.4 Struktur dalam Analisis Wacana	151

	Kesimpulan	152
	Bacaan Tambahan	153
	Latihan	153
Bab 8	Tetenunan dalam Wacana	
	8.1 Perkara-Perkara Utama dalam Tetenunan Wacana	158
	8.2 Kepentingan Tetenunan Wacana	160
	8.3 Teori Tetenunan Wacana	161
	Kesimpulan	164
	Bacaan Tambahan	164
	Latihan	165
Bab 9	Perlaksanaan Analisis Wacana	
	9.1 Interpretasi Reproduksi Penghasilan Wacana	168
	9.2 Penggunaan Wacana	170
	9.3 Penyebaran Wacana	171
	Kesimpulan	172
	Bacaan tambahan	172
Bab 10	Penutup	173
	Rujukan	179
	Biodata Penulis	183

Senarai Jadual

Jadual 1	<i>Hubungan antara Pragmatik dan Wacana</i>	15
Jadual 2	<i>Makna Literal Vs Makna Kontekstual</i>	26
Jadual 3	<i>Perbezaan Utama Model Austin Vs Searle</i>	45
Jadual 4	<i>Perbezaan dan Persamaan Garfinkel Vs Sacks</i>	116
Jadual 5	<i>Ringkasan Proses Analisis Perbualan</i>	125
Jadual 6	<i>Jenis-jenis Transkripsi</i>	126
Jadual 7	<i>Set Transkripsi Perbualan oleh Gail Jefferson (2004)</i>	128

Senarai Rajah

Rajah 1	<i>Model Strategi Kesantunan Brown & Levinson 1987</i>	61
Rajah 2	<i>Jenis Tetenunan</i>	154

Prakata

Dalam dunia komunikasi yang serba kompleks hari ini, makna tidak lagi hadir secara literal semata-mata. Makna tersembunyi dalam nada, konteks, struktur wacana dan susunan strategi bahasa yang kadang kala sukar difahami tanpa ketelitian. Buku modul pengajaran kursus Pragmatik dan Wacana ini dirancang untuk membantu masyarakat dan para pelajar terutamanya, menelusuri makna- makna tersirat dalam komunikasi manusia; sama ada dalam bentuk lisan mahupun tulisan, melalui lensa teori pragmatik dan pendekatan analisis wacana kontemporari.

Buku ini disusun dengan pendekatan bertahap dengan menghimpunkan teori klasik dan kontemporari dalam bidang pragmatik dan wacana. Di peringkat permulaan, pembaca diperkenalkan tentang konsep-konsep asas yang menjadi tulang belakang kepada pemahaman komunikasi berkesan, seperti konteks, deiksis, inferens, presuposisi, implikatur dan lakuan tutur seperti mana yang digagaskan oleh tokoh-tokoh sarjana tersohor seperti Austin, Searle, Grice, Leech. Kemudian, pembaca turut dibimbing untuk memahami ilmu pragmatik dan wacana secara praktis dalam konteks interaksi sosial mencakupi strategi kesantunan pelbagai budaya yang dipelopori oleh sarjana-sarjana Barat seperti Goffman, Grice, Leech dan Brown & Levinson sehinggalah para sarjana tempatan seperti Asmah Omar dan Awang Sariyan. Kaedah menganalisis perbualan dan transkripsi turut didedahkan untuk melengkapkan suatu penganalisan ilmu pragmatik dan wacana yang persis dan komprehensif.

Selanjutnya, dalam bahagian analisis wacana pula, pembaca dibawa menelusuri perkembangan teori wacana daripada peringkat awal hingga kini, termasuk analisis perbualan, tetenunan wacana, struktur wacana, penggunaan strategik wacana, sehinggalah kepada analisis wacana kritis yang membuka ruang terhadap pemikiran ideologi dan kuasa dalam bahasa seperti mana yang digariskan oleh tokoh-tokoh bidang wacana yang terkenal dari Barat, iaitu Cook, Fairclough, Halliday dan Hasan, Van Dijk serta tokoh tempatan seperti Asmah Omar dan Idris Aman. Pembaca akan meneroka peranan kuasa dan ideologi dari perspektif ilmu

kewacanaan politik, media, dan komunikasi digital. Dalam kasus ini, pembaca akan dapat memahami bahawa wacana bukan sekadar rentetan kata atau ayat, tetapi merupakan satu bentuk komunikasi yang hidup dan berfungsi secara sosial; mengandungi konteks, tujuan, peranan sosial, serta hubungan kuasa antara penutur dan pendengar.

Buku ini disasarkan kepada mahasiswa, pensyarah, penyelidik, dan semua yang terlibat dalam bidang bahasa, komunikasi dan pendidikan. Di sebalik keilmiahannya, pendekatan penulisan yang disertai contoh kontekstual, latihan pemahaman, serta sorotan isu semasa menjadikan buku ini bersifat aplikatif dan mudah didekati. Semoga naskah ilmiah ini menjadi kompas buat khalayk pembaca menyingkap rahsia makna di sebalik kata, serta membuka mata terhadap kuasa bahasa dalam membentuk sesebuah masyarakat.

Selamat meneroka dunia pragmatik dan wacana!

ARINA JOHARI, PhD

Jabatan Bahasa Melayu

Kuliah Pelancongan Mampan dan Bahasa Kontemporari, Universiti
Islam Antarabangsa Malaysia

Sinopsis

Bab 1: Pengenalan kepada Pragmatik dan Wacana

Bab ini mengemukakan pengenalan kepada dua bidang utama dalam kajian linguistik fungsional, iaitu pragmatik dan analisis wacana, yang berperanan dalam memahami komunikasi lisan dan tulisan. Pelajar akan didedahkan kepada perbezaan antara makna literal dan makna kontekstual, serta peranan kedua-dua disiplin ini menyumbang kepada penyampaian mesej yang efektif, berstrategi dan sesuai dengan konteks sosial.

Bab 2: Konteks dalam Pragmatik

Bab ini membincangkan secara mendalam kepentingan konteks dalam memahami makna ujaran. Fokus diberikan kepada jenis-jenis konteks seperti konteks fizikal, sosial, epistemik, serta konteks linguistik dan bukan linguistik. Kefahaman terhadap konteks merupakan asas untuk mentafsir makna tersirat yang muncul dalam komunikasi harian dan profesional.

Bab 3: Model-model Pragmatik

Bab ini menghuraikan model-model utama yang menjadi tonggak teori dalam bidang pragmatik, daripada para sarjana Barat seperti Model Austin (Teori Lakuan Tutar), Searle, Grice (1975), Leech (1983), Sperber & Wilson (1986), serta Brown & Levinson (1987) sehinggalah para sarjana tempatan, iaitu Asmah Omar (2000) dan Awang Sariyan (2007). Penjelasan tentang model-model ini memperlihatkan evolusi pemikiran mengenai cara makna dihasilkan, ditafsir dan diterima dalam interaksi linguistik pelbagai konteks.

Bab 4: Prinsip-prinsip Utama Pragmatik

Bab ini meneliti prinsip-prinsip penting dalam analisis pragmatik iaitu praandaian, inferensi, deiksis, lakuan tutur, peristiwa tutur, dan implikatur menurut perspektif para sarjana. Setiap prinsip diperincikan dengan definisi, contoh ujaran, dan peranan dalam pembentukan makna. Bab ini juga mengaitkan aplikasi prinsip-prinsip tersebut dalam kajian data autentik seperti perbualan sebenar.

Bab 5: Pragmatik dan Wacana dalam Interaksi Sosial

Bab ini memberi fokus kepada aplikasi teori pragmatik dan wacana dalam interaksi sosial masyarakat. Topik kesantunan pragmatik dikupas berasaskan model-model para sarjana Barat seperti Goffman, Grice, Leech dan Brown & Levinson (1987) dan para sarjana tempatan, iaitu Asmah Omar (2000) dan Awang Sariyan (2007). Selain itu, analisis perbualan turut diperincikan dari segi prinsip, metodologi dan sistem transkripsi oleh Gail Jefferson. Perbincangan ini menekankan kepentingan pendekatan pragmatik dan analisis perbualan dalam memahami realiti komunikasi harian.

Bab 6: Analisis Wacana

Bab ini memperkenalkan bidang analisis wacana dari aspek definisi, sejarah perkembangan, dan perbezaannya dengan konsep teks menurut para sarjana tersohor seperti Cook, Fairclough, Halliday dan Hasan, Van Dijk serta tokoh tempatan seperti Asmah Omar dan Idris Aman. Perbincangan turut mencakupi kepentingan analisis wacana dalam pelbagai bidang termasuk komunikasi massa, pendidikan, politik dan budaya, serta kaedah membentuk persepsi dan ideologi masyarakat.

Bab 7: Prinsip-prinsip Asas dalam Wacana

Bab ini membentangkan prinsip-prinsip utama yang mendasari pendekatan analisis wacana, termasuk kategori analisis (genre, fungsi, struktur pertukaran), dan jenis-jenis analisis wacana (kritikal, interaksi, naratif dan sebagainya). Selain itu, turut didedahkan dalam bab ini ialah ciri-ciri wacana serta struktur wacana yang menjelaskan tentang cara makna dibina dalam komunikasi pelbagai konteks.

Bab 8: Tetenunan dalam Wacana

Bab ini memfokuskan kepada aspek tetenunan wacana yang diperkenalkan oleh M.A.K. Halliday dan Ruqaiya Hasan (1976) merangkumi unsur kohesi (penghubung, rujukan, elipsis, pengulangan) dan koheren (kesepaduan makna). Selain itu, dibincangkan juga teori-teori tetenunan, konsep struktur maklumat, serta hubungan antara kohesi dan koheren dalam menjamin kefahaman dan keberkesanan komunikasi.

Bab 9: Pelaksanaan Analisis Wacana

Bab ini menjelaskan penghasilan dan penyebaran wacana melalui proses interpretasi, reproduksi, dan penggunaan strategik dalam pelbagai konteks komunikasi. Aspek seperti intertekstualiti, metawacana, daya ujaran, serta hubungan antara wacana dan kuasa sosial turut diperincikan bagi melengkapkan pemahaman tentang pemprosesan makna dalam interaksi linguistik sebenar.

Bab 10: Kesimpulan

Bab ini menyimpulkan keseluruhan bab yang telah disusun sepanjang penghasilan buku, serta mengupas signifikasi bidang pragmatik dan wacana terhadap ilmu dan aplikasi, peluang serta cabaran pada masa depan.

Biodata Penulis



Arina Johari memperoleh ijazah pertama (double major) dalam Bahasa & Linguistik Melayu serta Kewartawanan dari UPM (1999). Kemudian, beliau melanjutkan pelajaran dalam bidang Sarjana Sains (Eksekutif) Pentadbiran Pendidikan, UPM (2002). Pada tahun 2019, beliau memperoleh PhD dalam bidang Pragmatik (Bahasa Melayu) dari Universiti Malaya.

Beliau mempunyai 20 tahun pengalaman dalam bidang bahasa Melayu. Memulakan kerjaya sebagai wartawan dan editorial di Berita Harian, NSTP (1999-2000) dan Syarikat Fajar Bakti (2000). Selepas itu, beliau memulakan kerjaya sebagai guru bahasa Melayu di MRSM Gerik dan Muar (2002-2004); pensyarah bahasa di Pusat Bahasa dan Pembangunan Akademik Prauniversiti (CELPAD), UIAM (2004-2013). Kini, beliau merupakan pensyarah kanan di Kulliyah Pelancongan Mampan dan Bahasa Kontemporari (KSTCL); aktif dalam penyelidikan dan pengajaran bahasa Melayu berfokus bidang pragmatik, kesantunan berbahasa dan komunikasi antara budaya.

Beliau turut aktif dalam pengajaran dan latihan bahasa Melayu sejak 2008; diundang sebagai pengajar kursus Bahasa Melayu Kerjaya dan Pengucapan Awam kepada kumpulan Pegawai Pendidikan (2008-2012); penceramah pemantapan bahasa Melayu di sekolah-sekolah Bitara dan Kluster sekitar daerah Gombak dan Muar, Johor. Dalam aspek penilaian kurikulum, beliau telah dilantik sebagai Panel Pakar Penilai Program Bahasa Melayu di peringkat pengajian tinggi oleh MQA sejak 2011 -2024; sebagai Academic Quality Liaison Office (AQAL) 2019-2021 yang memainkan peranan penting dalam pembangunan serta semakan kurikulum di KSTCL.

Kini, beliau berkhidmat sebagai pensyarah bagi program MLCOM, Pengerusi Jawatankuasa Semakan Kurikulum (MLCOM 2021-2024), dan Penyelaras program MoU.

Buku ini mengangkat dua cabang penting dalam linguistik, iaitu pragmatik dan analisis wacana, sebagai instrumen ilmiah untuk memahami fungsi bahasa yang bukan sekadar sebagai sistem, tetapi amalan sosial yang sarat makna, nilai dan kuasa. Isi kandungannya dirangka dengan teliti untuk membantu para pembaca menelusuri makna-makna tersirat dalam komunikasi manusia; sama ada dalam bentuk lisan mahupun tulisan. Susunan buku ini menggunakan pendekatan bertahap dengan menghimpunkan teori klasik dan kontemporari dalam bidang pragmatik dan wacana. Model-model pragmatik dan wacana oleh para sarjana Barat dan tempatan yang terkemuka seperti Austin, Searle, Grice, Leech, Sperber & Wilson, Brown & Levinson, Asmah Omar, Awang Sariyan, Fairclough, Teun A. van Dijk, Halliday & Hassan, Idris Aman dan lain-lain telah dikupas dan dibincangkan secara komprehensif. Antara subtopik dalam buku ini termasuklah lakuan tutur, implikatur, inferensi, praandaian, kesantunan, analisis perbualan, tetenunan wacana, analisis wacana kritis dan lain-lain. Selain isi kandungan ilmu yang padat, buku ini juga dilengkapi contoh-contoh ujaran pelbagai konteks diikuti latihan aplikasi pada setiap bab untuk mengukuhkan pemahaman khalayak pembaca tentang ilmu pragmatik dan wacana. Buku ini sangat sesuai untuk pelajar universiti dalam bidang linguistik, komunikasi, pengajian bahasa, pendidikan, serta pensyarah dan penyelidik yang ingin meneroka bahasa dalam dimensi yang lebih mendalam dan praktikal.

"Terokailah dunia bahasa yang tersembunyi di sebalik ujaran, kerana setiap kata ada kisah yang ingin disampaikan". -RinaJR-

ISBN 978-967-2771-38-8



9 789672 771388